

## 長崎県 農泊体験 報告書

国籍 (Warganegara)
Malaysia
体験日時・場所 (Tarikh dan Tempat)
30.09.2023 – 1.10.2023 Minami Shimabara, Nagasaki
体験内容 (Aktiviti-Aktiviti)
<p><b>【Hari Pertama】</b> Kami bertolak dari Bandar Nagasaki ke Futsu-Cho, Minami Shimabara menggunakan pengangkutan awam (kereta api dan bas).</p>  <p>Selepas berkenalan bersama Encik dan Puan Yamasaki, mereka membawa kami menaiki kereta bersiar-siar di kawasan Unzen.</p>   <p>Dalam perjalanan pulang dari Unzen ke rumah mereka, kami melawat air terjun yang bernama "Ayugaeri No Taki".</p> 

Selepas itu, kami dibawa ke sawah padi. Di sana, Encik Yamasaki mengajarkan kepada kami tentang pengurusan perparitan sawah padi dan jenis-jenis padi sambil menunjukkannya kepada kami.



Kami kemudiannya pulang ke penginapan Keluarga Yamasaki untuk berehat seketika. Kami dihidangkan buah pear dan dapat bermain 'hoverboard' di perkarangan rumah mereka.



Selepas berehat, kami menyambung aktiviti hari tersebut dengan memetik kacang bendi dan menuai ubi keledek yang ditanam oleh keluarga Yamasaki. Ubi keledek yang kami berjaya tuai itu sangatlah besar sehingga membuat kami terkejut.



Pada malam itu, kami dibawa ke tempat mandi awam air panas Jepun (Onsen) yang berdekatan.

Setelah pulang ke rumah, kami menikmati makan malam bersama keluarga Yamasaki. Kami dihidangkan dengan air tangan Puan Yamasaki, yang menggunakan kacang bendi dan ubi keledek yang dituai oleh kami pada petang itu.



**【Hari Kedua】**

Kami bangun tidur pada jam 7 pagi dan makan sarapan bersama Keluarga Yamasaki. Kami dihidangkan lagi dengan air tangan Puan Yamasaki yang sangat lazat.



Seusai sarapan, kami semua berhimpun di *Dewan Warisan Peringatan Kristan Arima* untuk majlis perpisahan bersama keluarga tempatan yang telah melayani kami.



Seorang staf, Encik Mori, membawa kami melawat dewan tersebut. Kami diterangkan oleh beliau tentang *sejarah Perdagangan Nanban dan Penganut Agama Kristian Tersembunyi di Nagasaki*.




Setelah itu, kami semua pergi ke kawasan peninggalan *Istana Hara* dengan menaiki basikal elektrik. Encik Mori juga menerangkan tentang sejarah Istana tersebut kepada kami.



Kemudian, kami melawat *Tugu Maria Istana Hara*.



Selepas itu, kami bergerak ke Pelabuhan Kuchinotsu untuk manaiki bot dan melihat ikan lumba-lumba di laut. Kami berjaya melihat tiga ekor ikan lumba-lumba.



Akhir sekali, kami pulang semula ke Bandar Nagasaki dengan menaiki bas awam dari Pelabuhan Kuchinotsu.

